

Isu tertanggung Malaysia, Singapura perlu diselesai

UM 23 JAN 2002

BANGI 22 JAN — Kerajaan selaga memim-
bang kemungkinan untuk menetapkan jangkamasa tertentu bagi memastikan isu-isu tertanggung antara negara ini dengan Singapura dapat diselesaikan secepat mungkin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, isu-isu yang tertanggung itu perlu diselesaikan dalam tempoh tertentu supaya tidak merugikan negara.

Menurut Dr. Mahathir, kerajaan mungkin menetapkan jangkamasa tertentu bagi menyelesaikan isu-isu itu pada rundingan lanjut peringkat pegawai antara kedua-dua negara.

"Kita mesti ada jangkamasa tertentu (dalam menyelesaikan isu-isu itu)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kerjaya ke 20 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, hari ini.

Dr. Mahathir mengulas lanjut isu-isu tertanggung kedua-dua negara yang sehingga ini tidak menampakkan sebarang kemajuan.

Isu-isu tertanggung itu ialah penjualan air oleh Malaysia kepada Singapura, pertikaian mengenai pembangunan tanah milik KTM Bhd. dan status pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin di Stesen KTM di Tanjung Pagar, Singapura

Turut dibincangkan penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura dan pengeluaran wang caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura oleh pekerja dari Semenanjung Malaysia.

Rundingan itu diadakan berikutan persetujuan yang dicapai untuk menyelesaikan isu tertanggung itu secara pakej antara Dr. Mahathir dengan Menteri Kanan Singapura, Kuan Yew, September lalu.

Semalam, Dr. Mahathir berkata, Malaysia tidak akan berkompromi dengan Singapura berhubung isu harga baru air mentah walaupun ia menjadi punca kegagalan rundingan isu-isu tertanggung kedua negara.

Perdana Menteri berkata, kegagalan rundingan itu hanya disebabkan sikap Singapura yang enggan membincangkan isu lain selagi isu harga air mentah yang dijual kepada negara itu tidak diselesaikan.

Mengulas lanjut, Dr. Mahathir berkata, kerajaan mahu memastikan isu-isu yang tertanggung itu dapat diselesaikan segera antara kedua-dua negara.

"Lebih lama kita gagal mencapai kata senakat (terhadap semua isu tertanggung) atau penetapan terhadap harga air mentah oleh Singapura akan lebih banyak merugikan kita," katanya.

Dr. Mahathir berkata, harga yang ditawarkan republik itu terhadap air mentah daripada negara ini adalah terlalu rendah berbanding harga yang dibayar oleh Hong Kong kepada republik China.

Katanya, Singapura membeli air mentah pada harga tiga sen setiap 1,000 gelen (satu gelen bersamaan 4.5 liter) berbanding RM8 setiap 1,000 gelen yang dibeli oleh Hong Kong daripada China.

Perdana Menteri berkata, harga air mentah yang dibeli negara jiran itu telah dipersetujui ketika Singapura hendak menyertai Malaysia dahulu menerusi perjanjian yang dibuat oleh pihak British, ketika itu.

"Harga yang ditetapkan British pada masa itu memihak kepada Singapura kerana kerajaan Johor ketika itu telah mendapat nasihat British berhubung perkara ini," katanya.

Sudah tentu, kata beliau, harga air mentah yang ditetapkan pada masa itu tidak boleh disamakan dengan keadaan pada hari ini.

Dr. Mahathir berkata, ekoran itu kerajaan telah mencadangkan kadar harga baru tetapi harga baru tersebut masih belum dipersetujui oleh Singapura.

"Selain kadar harga baru, kita juga mencadangkan supaya kadar itu sentiasa dikaji," katanya yang tidak menyebut kadar harga baru yang dicadangkan itu.

Mengikut persetujuan asas yang dicapai oleh kedua-dua pemimpin itu, Singapura akan mendanai 350 juta gelen air sehari dari Malaysia selepas tahun 2061.

Selepas 2061, Malaysia akan menjual 100 juta gelen air mentah sehari dan 250 juta gelen air yang ditapis sehari yang akan diproses secara usaha sama.

Singapura menawarkan untuk membayar 45 sen bagi setiap 1,000 gelen air mentah dari Malaysia sehingga 2061, berbanding dengan harga sekarang sebanyak 3 sen.

Selepas 2061, Singapura akan membayar 60 sen bagi setiap 1,000 gelen, dan kadar itu akan dikaji semula setiap lima tahun.